

SIKAP PELAJAR TERHADAP PENGAJARAN BUDAYA MELAYU DALAM PENGAJARAN BAHASA MELAYU DI TUFSS, JEPUN

Noor Zuhidayah Muhd Zulkifli¹, Jamaludin Badusah² & Wan Muna Ruzanna Wan Mohamad³

¹ Pensyarah, Universiti Pendidikan Sultan Idris, zuhidayah@fbk.upsi.edu.my

² Pensyarah, Universiti Kebangsaan Malaysia, Malaysia, jhb@ukm.edu.my

³ Pensyarah, Universiti Kebangsaan Malaysia, Malaysia, munaruzanna@ukm.edu.my

Abstrak

Pengajaran dan pembelajaran bahasa terutamanya bahasa asing perlu melibatkan pengajaran budaya masyarakat yang menuturkan bahasa tersebut. Hal ini kerana terdapat hubungan yang sangat rapat antara bahasa dan budaya sehinggakan ketidakhadiran salah satu aspek menjadikan pembelajaran tidak bermakna. Sehubungan dengan itu, aspek budaya mula diterapkan sebagai elemen penting dalam pengajaran bahasa. Namun begitu, penerimaan aspek ini yang disatukan dalam pengajaran bahasa menjadi tanda tanya terutamanya dalam konteks bahasa Melayu sebagai bahasa asing. Oleh yang demikian, kajian ini dijalankan untuk mengkaji sikap pelajar terhadap pengajaran budaya Melayu dalam pengajaran bahasa Melayu sebagai bahasa asing di Jepun. Seramai 30 orang pelajar di Universiti Bahasa Asing Tokyo, Jepun dipilih berdasarkan pengalaman dan pengetahuan terhadap proses pengajaran dan pembelajaran bahasa Melayu. Kajian ini menggunakan instrumen soal selidik bagi memungut data. Hasil kajian mendapati pelajar mempunyai sikap yang positif terhadap pengajaran budaya Melayu dalam pengajaran bahasa Melayu. Dapatan kajian juga menunjukkan pelajar sangat berminat dan tertarik dengan pengajaran bahasa Melayu yang melibatkan budaya Melayu. Hal ini membuktikan bahawa pengajaran budaya Melayu dapat memberi impak positif dalam kalangan pelajar dan keadaan ini dapat meningkatkan minat serta motivasi pelajar terhadap pembelajaran bahasa Melayu. Sehubungan dengan itu, pengajaran budaya Melayu dalam pengajaran bahasa Melayu perlu diberi perhatian supaya para pengajar dan pihak terlibat dapat menyediakan instruksi pengajaran bahasa Melayu yang lebih menarik dan menyeronokkan.

Kata kunci: sikap, pengajaran budaya Melayu, bahasa Melayu sebagai bahasa asing

1.0 PENGENALAN

Hubungan antara bahasa dan budaya telah dikaji secara meluas dan telah disahkan oleh ramai pengkaji (Thao & Hung 2014). Beberapa pengkaji telah mengesahkan hubungan antara bahasa dan budaya yang saling berkait dan tidak boleh dipisahkan (Damen 1987; Jiang 2000; Brown 2007; Chen 2013). Jiang (2000) turut menegaskan bahawa hubungan antara bahasa dan budaya boleh dilihat apabila bahasa mencerminkan budaya, dipengaruhi dan dibentuk oleh budaya. Tambah Jiang (2000), bahasa merupakan sebahagian daripada budaya dan budaya juga merupakan sebahagian daripada bahasa.

Tegas Rangriz dan Harati (2017), setiap bentuk bahasa yang digunakan mempunyai makna dan terkait rapat dengan budaya. Menurut Akyuz et al. (2017), berdasarkan hubungan yang kuat antara bahasa dan budaya ini, tidak dapat disangkal lagi bahawa PdP bahasa bukan sahaja perlu melibatkan kemahiran linguistik, tetapi turut melibatkan pengetahuan budaya bahasa tersebut kerana bahasa adalah cerminan budaya. Menurut Rostami (2016), beberapa orang sarjana sependapat bahawa program pengajaran bahasa yang tidak melibatkan budaya tidak dapat membawa pelajar kepada tahap penguasaan bahasa yang boleh diterima.

Walau bagaimanapun, satu perkara yang turut mendapat perhatian apabila membincangkan penerapan aspek budaya dalam pengajaran bahasa adalah penerimaan atau reaksi pelajar terhadap aspek budaya bahasa sasaran. Menurut Rafieyan (2016), pengajaran budaya dalam pengajaran bahasa juga perlu menitikberatkan kesanggupan pelajar untuk mempelajari aspek budaya bahasa sasaran. Hal ini berkait dengan reaksi atau sikap pelajar terhadap pengajaran budaya. Penerimaan pelajar terhadap pengajaran budaya dalam pengajaran bahasa akan membenarkan pelajar mempelajari bahasa dengan keadaan yang menyeronokkan,

namun, sebaliknya berlaku jika pelajar tidak menerima pengajaran budaya bahasa sasaran, pelajar mungkin menolak bukan sahaja pengajaran budaya malahan pengajaran bahasa (Jabeen & Shah 2011).

1.1 Permasalahan Kajian

Pengajaran budaya dalam pengajaran bahasa telah lama mendapat perhatian khususnya dalam kalangan pengkaji Barat. Penglibatan aspek budaya dalam PdP bahasa diyakini dapat membantu pelajar untuk lebih menguasai bahasa. Walau bagaimanapun, hal ini tergantung pada sikap pelajar terhadap pengajaran budaya dalam PdP bahasa. Menurut Tseng (2013), sikap pelajar terhadap budaya bahasa sasaran sangat mempengaruhi tahap penguasaan bahasa, jika pelajar mempunyai sikap positif terhadap budaya bahasa sasaran, maka, kejayaan dapat dihasilkan, sebaliknya, jika pelajar mempunyai sikap negatif terhadap budaya sasaran, maka, pelajar akan mengalami stress dan keadaan ini akan menyebabkan kegagalan pembelajaran bahasa.

Selain itu, isu tentang sikap pelajar terhadap pengajaran budaya dalam PdP bahasa telah dikaji oleh beberapa sarjana dalam bidang linguistik (Rafieyan 2016). Namun, didapati terdapat percanggahan dapatan kajian-kajian tersebut. Terdapat beberapa kajian yang mendapati pelajar mempunyai sikap positif terhadap pengajaran budaya, penglibatan budaya dalam pengajaran bahasa, namun, ada juga kajian yang mendapati pelajar mempunyai sikap negatif dan kurang menerima pengajaran budaya yang disatukan dengan pengajaran bahasa. Kajian yang dilakukan oleh Rafieyan (2016), Rafieyan, Norazman dan Lin (2013), Akyuz et al. (2017) dan Belli (2018) mendapati pelajar-pelajar mempunyai sikap positif terhadap penglibatan pengajaran budaya dalam pengajaran bahasa, sebaliknya, kajian yang dilakukan oleh Jabeen & Shah (2011), mendapati pelajar mempunyai sikap negatif terhadap pengajaran budaya dalam pengajaran bahasa. Hal ini menunjukkan terdapat dua kemungkinan apabila budaya dilibatkan dalam pengajaran bahasa sama ada pelajar akan bersikap positif atau sebaliknya.

Di samping itu, kajian yang memfokuskan sikap pelajar terhadap pengajaran budaya Melayu dalam pengajaran bahasa Melayu masih mempunyai kelompangan. Pelbagai kajian yang dilakukan memfokuskan penerapan budaya dalam PdP bahasa seperti (Junaini Kasdan et al. 2018; Mardian, Azman & Yusfarina 2017; Zulkifli & Abu Hasan 2015), namun, isu sikap pelajar terhadap pengajaran budaya masih belum diterokai. Kajian juga lebih tertumpu tentang sikap dan motivasi pelajar terhadap pembelajaran bahasa Melayu (Khairul Nizam & Wan Muna Ruzanna 2017; Zaliza & Zaitul Azma 2014; Jerie & Zamri 2011). Keadaan memperlihatkan keperluan mengkaji sikap pelajar terhadap pengajaran budaya Melayu dalam pengajaran bahasa Melayu. Hal ini kerana Ammon seperti dinyatakan Jabeen dan Shah (2011) menegaskan bahawa cara pelajar memberi respons terhadap budaya bahasa sasaran mempengaruhi sikap pelajar terhadap pembelajaran bahasa itu sendiri.

Oleh yang demikian, kajian tentang sikap pelajar terhadap pengajaran budaya dalam pengajaran bahasa khususnya bahasa Melayu perlu dilakukan bagi mendapatkan gambaran jelas keadaan pelajar apabila budaya Melayu dimasukkan dalam pengajaran bahasa Melayu. Jika pelajar mempunyai sikap positif, maka, pengajaran budaya boleh diteruskan dalam pengajaran bahasa, sebaliknya, jika pengajaran budaya tidak dapat diterima oleh pelajar, maka, pihak yang terlibat boleh melakukan sesuatu untuk memastikan pelajar dapat mempelajari bahasa dengan selesa dan menyeronokkan.

1.2 Tujuan kajian

Berdasarkan permasalahan kajian yang dinyatakan, kajian ini dijalankan bertujuan untuk mengkaji sikap pelajar terhadap pengajaran budaya Melayu dalam PdP bahasa Melayu sebagai bahasa asing.

3.0 KAJIAN LITERATUR

Menurut Prodromou seperti dinyatakan Jabeen et al. (2013) sikap pelajar adalah penting kerana kejayaan pembelajaran bahasa berhubung kait dengan sikap positif pelajar terhadap bahasa dan budaya bahasa tersebut. Sehubungan dengan itu, kajian tentang sikap pelajar terhadap aspek budaya yang diterapkan bersama aspek bahasa mula mendapat perhatian.

Kajian yang dilakukan oleh Rafieyan, Lin dan Abdul Rashid (2013) bertujuan untuk mengkaji sikap pelajar terhadap penggabungan komponen budaya dalam instruksi pengajaran bahasa Inggeris di dalam kelas. Kajian ini dilakukan dengan menggunakan soal selidik yang dibina daripada Albirini (2009). Kajian ini dijalankan dalam kalangan pelajar Iran yang mempelajari bahasa Inggeris pada tahap pertengahan di sebuah institusi di Iran. Hasil kajian mendapati majoriti pelajar mempunyai sikap positif terhadap penggabungan budaya Inggeris dalam pengajaran bahasa Inggeris di dalam kelas. Antara item yang mendapat skor yang tinggi adalah pelajar merasa seronok dengan setiap komponen budaya dalam kelas bahasa dan pelajar lebih cenderung dengan kelas bahasa yang melibatkan aspek budaya.

Dapatan sama diperoleh Rostami (2016) dalam kajian yang bertajuk "*Language learners' attitudes towards the incorporation of target language culture into foreign language instructions*". Dalam kajian ini, Rostami (2016) mengedarkan soal selidik kepada lapan orang guru bahasa Inggeris dan 30 orang pelajar bahasa Inggeris dari institut di Iran. Dapatan kajian menunjukkan guru dan pelajar mempunyai sikap positif terhadap budaya bahasa Inggeris yang diterapkan dalam pengajaran bahasa Inggeris. Kajian t-test yang dijalankan juga menunjukkan tiada perbezaan yang signifikan antara sikap guru dan juga pelajar terhadap pengajaran budaya.

Kajian Belli (2018) juga menunjukkan dapatan yang sama dengan kajian-kajian di atas. Belli (2018) menjalankan kajian yang bertujuan mengkaji sikap pelajar Turki terhadap budaya dan penglibatannya dalam pengajaran bahasa Inggeris. Kajian ini dijalankan dengan menggunakan soal selidik dan seramai 96 orang responden kajian. Hasil kajian mendapati majoriti pelajar menunjukkan sikap positif ke arah penggabungan budaya ke dalam proses pembelajaran bahasa dari segi reaksi pelajar terhadap pengetahuan budaya yang diperkenalkan oleh guru, bahan budaya yang digunakan dan buku kursus serta persepsi pelajar penilaian budaya dalam kelas bahasa. Keadaan ini menunjukkan bahawa pelajar menerima aspek budaya yang digabungkan dengan pengajaran bahasa.

Bertentangan dengan dapatan yang diperoleh Belli (2018) dan Rostami (2016) adalah dapatan Jabeen dan Shah (2011). Kajian yang dijalankan oleh Jabeen dan Shah (2011) meneroka sikap pelajar terhadap pengajaran budaya Inggeris di dalam kelas bahasa Inggeris. Responden kajian terdiri daripada 94 orang pelajar daripada pelbagai jabatan di sebuah universiti di Pakistan. Data dikumpulkan melalui soal selidik. Hasil kajian menunjukkan pelajar mempunyai sikap yang sangat negatif terhadap pengajaran budaya Inggeris di dalam kelas bahasa Inggeris. Walaupun terdapat beberapa komponen budaya yang boleh diterima oleh pelajar, namun, secara keseluruhannya, respons pelajar adalah sangat negatif terhadap pengajaran budaya. Pelajar lebih cenderung kepada aspek budaya asal pelajar yang diterapkan dalam pengajaran bahasa Inggeris.

Berdasarkan kajian-kajian yang telah dijalankan, kajian-kajian adalah tentang pengajaran budaya Inggeris dalam pengajaran bahasa Inggeris. Justeru, kajian yang mengkaji sikap pelajar terhadap pengajaran budaya Melayu dalam pengajaran bahasa Melayu perlu dijalankan untuk mengetahui keadaan dan penerimaan pelajar terhadap pengajaran budaya Melayu.

3.0 METODOLOGI

Kajian ini menggunakan soal selidik sebagai instrumen utama kajian. Soal selidik ini dibina dan diubah suai daripada soal selidik sikap yang dibangunkan oleh Albirini (2009), iaitu *The Attitude Questionnaire*. Terdapat bahagian dalam soal selidik ini, iaitu Bahagian A mengandungi maklumat diri responden, iaitu umur, jantina, peringkat pengajian dan tahun pengajian, manakala, Bahagian B mengandungi 9 item berkenaan sikap/reaksi responden terhadap pengajaran budaya Melayu dalam PdP bahasa Melayu. Responden kajian ini terdiri daripada 30 orang pelajar Universiti Bahasa Asing Tokyo (*Tokyo Universiti of Foreign Studies, TUFS*), Jepun yang mengikuti program pengajian Bahasa Melayu sebagai bahasa asing.

Jadual 1 menunjukkan maklumat diri responden yang terdiri daripada 13 (43.3%) pelajar lelaki dan 17 (56.7%) pelajar perempuan yang kesemuanya merupakan pelajar peringkat Ijazah Sarjana Muda. Majoriti pelajar, iaitu 33.3% pelajar berusia 20 tahun, 23.3% pelajar berusia 19 tahun dan selebihnya berusia, 18, 21, 22 dan 23 tahun dengan masing-masing 10%, 16.7%, 10% dan 6.7%. Pelajar juga terdiri daripada majoriti pelajar tahun kedua, iaitu 19 (63.3%), 6 (20%) pelajar tahun ketiga, 3 (10%) pelajar tahun keempat dan 2 (6.7%) pelajar tahun kelima. Biarpun tempoh pengajian adalah selama 4 tahun, namun, perlanjutan tahun adalah disebabkan ada pelajar yang mengikuti program pengajian luar negara (*abroad study*) yang dijalani selama 6 bulan menyebabkan pelanjutan tempoh pengajian sehingga 5 tahun. Pelajar juga terdiri daripada pelajar yang berasal dari Jepun dan mengamalkan budaya Jepun.

Jadual 1. Maklumat diri responden

Bil.	Item	Kategori	Frekuensi	Peratusan (%)
1.	Jantina	Lelaki	13	43.3
		Perempuan	17	56.7
2.	Umur	18	3	10.0
		19	7	23.3
		20	10	33.3
		21	5	16.7
		22	3	10.0
		23	2	6.7
3.	Peringkat pengajian	Ijazah Sarjana Muda	30	100.0
		Ijazah Sarjana	0	0.0
4.	Tahun pengajian	2	22	73.3
		3	4	13.3
		4	2	6.7
		5	2	6.7
5.	Negara asal	Jepun	30	100.0
		Lain-lain	0	0.0
6.	Budaya	Jepun	30	100.0
		Lain-lain	0	0.0

4.0 DAPATAN

Data kajian yang diperoleh daripada soal selidik, kemudiannya dianalisis menggunakan perisian SPSS versi 25. Analisis dilakukan dengan menggunakan analisis deskriptif bagi menerangkan peratusan, min dan sisihan piawai yang diperoleh bagi setiap item. Jadual 2 menunjukkan analisis sikap pelajar terhadap pengajaran budaya Melayu dalam pengajaran bahasa Melayu. Skala *Likert* 5 mata digunakan dalam kajian ini, dengan skala 1 (sangat tidak setuju), 2 (tidak setuju), 3 (tidak pasti), 4 (setuju) dan 5 (sangat setuju).

Jadual 2. Analisis sikap pelajar terhadap pengajaran budaya Melayu dalam pengajaran bahasa Melayu (n=30)

Kod	Item	Skala (%)					Min	Sisihan piawai (SD)
		Sangat tidak setuju	Tidak setuju	Tidak pasti	Setuju	Sangat setuju		
B1	Saya menikmati pengajaran budaya Melayu dalam kursus bahasa Melayu.	0.0	10.0	20.0	33.3	36.7	3.97	0.99
B2	Saya merasakan pembelajaran budaya Melayu menjadikan kelas bahasa Melayu lebih menarik.	0.0	0.0	3.3	30.0	66.7	4.63	0.56
B3	Saya merasakan budaya Melayu yang diperkenalkan di dalam kelas bahasa Melayu membolehkan saya memahami bahasa Melayu dengan lebih baik.	0.0	0.0	3.3	36.7	60.0	4.57	0.57
B4	Saya merasakan elemen budaya Melayu merupakan pengalaman pembelajaran yang berguna.	0.0	3.3	3.3	33.3	60.0	4.50	0.731
B5	Kelas bahasa Melayu yang melibatkan budaya Melayu memberi kesan positif terhadap sikap saya terhadap bahasa Melayu.	0.0	0.0	10.0	36.7	53.3	4.43	0.68
B6	Saya merasakan elemen budaya Melayu perlu diintegrasikan dalam setiap kelas bahasa Melayu.	0.0	10.0	6.7	46.7	37.7	4.10	0.92
B7	Saya lebih suka mengikuti kelas bahasa yang mengintegrasikan budaya dalam pengajaran dan pembelajaran bahasa.	0.0	6.7	3.3	33.3	56.7	4.40	0.86
B8	Saya suka untuk melihat elemen budaya dalam kelas bahasa Melayu yang akan datang.	0.0	3.3	3.3	50.0	43.3	4.33	0.71
B9	Saya lebih berminat mempelajari bahasa Melayu apabila budaya Melayu diintegrasikan bersama.	0.0	6.7	0.0	33.3	60.0	4.47	0.82
Min keseluruhan							4.38	

Seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 2, didapati sikap pelajar TUFSS, Jepun terhadap pengajaran budaya Melayu dalam pengajaran bahasa Melayu berada pada tahap yang tinggi dengan skor min keseluruhan adalah min=4.38. Dapatan ini menunjukkan bahawa pelajar mempunyai sikap yang positif terhadap pengajaran budaya Melayu. Hal ini terbukti dengan respons pelajar terhadap kesemua item yang melebihi min=3.41. Menurut Khumsikiew et al.

(2015), skor min yang melebihi 3.41 memberi interpretasi bahawa sesuatu item berada pada tahap yang tinggi, manakala, skor min yang melebihi 4.21 menunjukkan sesuatu item itu berada pada tahap yang sangat tinggi. Berdasarkan Jadual 2, didapati dua item berada pada tahap tinggi, manakala, 7 item lagi berada pada tahap yang sangat tinggi.

Item yang mendapat skor min yang paling tinggi adalah B2, 'saya merasakan pembelajaran budaya Melayu menjadikan kelas bahasa Melayu lebih menarik' (min=4.63). Pelajar juga menyatakan bahawa budaya Melayu yang diperkenalkan di dalam kelas bahasa Melayu membolehkan pelajar memahami bahasa Melayu dengan lebih baik (B3) dengan skor min=4.57. Item lain yang turut mendapat skor min yang tinggi adalah B4 (saya merasakan elemen budaya Melayu merupakan pengalaman pembelajaran yang berguna, min=4.50), diikuti B9 (Saya lebih berminat mempelajari bahasa Melayu apabila budaya Melayu diintegrasikan bersama, min=4.47) dan B5 (Kelas bahasa Melayu yang melibatkan budaya Melayu memberi kesan positif terhadap sikap saya terhadap bahasa Melayu, min=4.43).

Selain itu, hasil kajian juga menunjukkan terdapat beberapa item yang menerima respons 'tidak pasti'. Antaranya, saya menikmati pengajaran budaya Melayu dalam kursus bahasa Melayu (20%), kelas bahasa Melayu yang melibatkan budaya Melayu memberi kesan positif terhadap sikap saya terhadap bahasa Melayu (10%), saya merasakan elemen budaya Melayu perlu diintegrasikan dalam setiap kelas bahasa Melayu (6.7%) dan item selebihnya hanya 3.3% sahaja. Dapatan ini juga mendapati ada segelintir pelajar yang menyatakan 'tidak setuju' dengan beberapa item seperti saya menikmati pengajaran budaya Melayu dalam kursus bahasa Melayu (10%), saya merasakan elemen budaya Melayu perlu diintegrasikan dalam setiap kelas bahasa Melayu (10%), saya lebih suka mengikuti kelas bahasa yang mengintegrasikan budaya dalam pengajaran dan pembelajaran bahasa (6.7%), saya merasakan elemen budaya Melayu merupakan pengalaman pembelajaran yang berguna (3.3%) dan saya suka untuk melihat elemen budaya dalam kelas bahasa Melayu yang akan datang (3.3%).

Walaupun ada respons yang diterima menunjukkan pelajar tidak bersetuju dan tidak pasti, namun, secara keseluruhannya, didapati pelajar yang bersetuju dengan item-item yang menunjukkan sikap pelajar terhadap pengajaran budaya Melayu dalam pengajaran bahasa Melayu adalah lebih tinggi. Dapatan ini menunjukkan bahawa pelajar dapat menerima pengajaran budaya Melayu dan merasakan kepentingan mempelajari budaya Melayu untuk membantu penguasaan bahasa Melayu. Hasil kajian ini juga menjelaskan bahawa pengajaran budaya dalam pengajaran bahasa adalah sangat penting dan mempengaruhi pembelajaran dan penguasaan bahasa Melayu pelajar. Oleh yang demikian, pengajaran budaya dalam pengajaran bahasa khususnya bagi bahasa Melayu sebagai bahasa asing sangat diperlukan dan tidak boleh diabaikan.

5.0 PERBINCANGAN

Kajian ini secara umum bertujuan mengkaji sikap pelajar terhadap pengajaran budaya Melayu dalam pengajaran bahasa Melayu khususnya bahasa Melayu sebagai bahasa asing. Hasil kajian mendapati pelajar TUFJ, Jepun mempunyai sikap yang sangat positif terhadap pengajaran budaya Melayu dalam pengajaran bahasa Melayu. Pelajar merasakan bahawa pengajaran budaya Melayu dalam pengajaran bahasa Melayu menjadikan kelas bahasa Melayu lebih menarik, membentuk sikap positif terhadap pembelajaran bahasa Melayu, memudahkan proses pembelajaran dan membuatkan pelajar lebih teruja untuk mengikuti kelas bahasa Melayu pada masa akan datang. Hal ini menunjukkan bahawa pengajaran bahasa Melayu lebih menarik dan menyeronokkan apabila melibatkan pengajaran budaya Melayu.

Hasil dapatan kajian ini juga memperkukuhkan lagi dapatan-dapatan kajian yang dilakukan oleh Rafieyan, Lin dan Abdul Rashid (2013), Rostami (2016) dan Belli (2018). Kajian ini menunjukkan bahawa hasil yang sama diperoleh walaupun kajian dijalankan dalam konteks

yang berbeza. Biarpun dapatan kajian yang diperoleh adalah sama, iaitu pelajar mempunyai sikap positif terhadap pengajaran budaya dalam pengajaran bahasa, namun, kajian ini memberikan satu dapatan baharu khususnya untuk pengajaran bahasa Melayu sebagai bahasa asing. Kajian ini juga memperlihatkan bahawa aspek budaya yang penting dalam pengajaran bahasa kerana tanpa budaya, pengajaran bahasa boleh menjadi sesuatu yang hambar dan tidak menyeronokkan. Pelajar tidak dapat mempelajari bahasa dengan lebih mudah dan keadaan ini akan menyebabkan kesukaran semasa mempelajari.

Dapatan kajian ini juga menyangkal dapatan yang diperoleh Jabeen dan Shah (2011) yang mendapati pelajar bersikap negatif terhadap penglibatan budaya dalam pengajaran bahasa. Hal ini kerana hanya peratusan kecil sahaja mewakili skala 'tidak pasti' dan 'tidak setuju' berbanding peratusan besar yang diperoleh untuk skala 'setuju' dan 'sangat setuju'. Berdasarkan kajian Jabeen dan Shah (2011), pelajar-pelajar didapati kurang menerima aspek budaya Inggeris yang diterapkan dalam pengajaran bahasa Inggeris. Pelajar lebih cenderung pengajaran bahasa Inggeris melibatkan budaya asal pelajar. Dapatan ini berbeza dengan dapatan yang diperoleh dalam kajian ini yang mendapati pelajar-pelajar lebih bersikap terbuka dan menerima pengajaran budaya serta pelajar juga menyedari kepentingan melibatkan budaya Melayu dalam pengajaran bahasa Melayu.

Oleh yang demikian, hasil kajian ini menunjukkan bahawa pelajar mempunyai sikap positif terhadap pengajaran budaya Melayu dalam pengajaran bahasa Melayu. Hal ini menunjukkan bahawa pelajar menerima pengajaran budaya Melayu yang diterapkan bersama pengajaran bahasa Melayu. Dapatan ini menyokong dapatan yang diperoleh oleh Rafieyan, Lin dan Abdul Rashid (2013), Rostami (2016) dan Belli (2018) yang memperlihatkan bahawa aspek budaya perlu disatukan dalam pengajaran bahasa berdasarkan sikap positif yang ditunjukkan oleh pelajar. Hasil kajian ini diharapkan dapat membuka mata semua pihak yang terlibat supaya melihat semula instruksi pengajaran bahasa. Pengajaran bahasa harus disertai dengan pengajaran bahasa dan pengajaran budaya juga harus disertai pengajaran bahasa. Hubungan antara kedua-dua aspek ini sangat terkait rapat dan tidak boleh dipisahkan.

6.0 KESIMPULAN

Kesimpulannya, didapati dapatan kajian ini menyokong dapatan kajian-kajian terdahulu bahawa sikap pelajar terhadap penglibatan pengajaran budaya dalam pengajaran bahasa adalah positif. Hal ini dapat dikaitkan dengan hubungan yang kuat antara bahasa dan budaya. Pengajaran budaya Melayu dapat membantu pelajar untuk lebih mempelajari bahasa Melayu dan dapat mempelajari bahasa Melayu dengan lebih mudah. Hasil kajian juga menunjukkan bahawa pengajaran budaya memberikan impak positif kepada sikap pelajar terhadap pembelajaran bahasa Melayu. Oleh itu, para guru dan pihak yang terlibat perlu memberi penekanan terhadap aspek budaya yang diterapkan bersama dengan pengajaran bahasa. Aspek budaya juga boleh dipersembahkan dalam bentuk dan kaedah yang lebih menarik supaya pelajar dapat menerima dan menggunakan aspek budaya tersebut untuk membantu pembelajaran bahasa Melayu.

Sehubungan dengan itu, kajian ini diharapkan dapat memberi perspektif baharu terhadap kepentingan melibatkan budaya Melayu dalam pengajaran bahasa Melayu. Kajian ini merupakan kajian baharu yang mengkaji sikap pelajar terhadap pengajaran budaya Melayu, justeru, kajian-kajian berkaitan perlu dilakukan untuk memastikan sikap pelajar terhadap pengajaran budaya Melayu adalah konsisten dengan dapatan kajian ini. Hal ini penting supaya keadaan pembelajaran yang selesa dapat disediakan demi kemudahan dan kelancaran proses pembelajaran bahasa Melayu khususnya bahasa Melayu sebagai bahasa asing yang berhadapan dengan cabaran yang lebih besar.

RUJUKAN

- Akyuz, A., Tanis, A., Khalil, E., Ardic, Ö. & Mede, E. (2017). Effects of Videos on Students' Knowledge of the Target Language Culture. *Inonu University Journal of the Faculty of Education* 18(3): 162–174. doi:10.17679/inuefd.287518
- Albirini, A. (2009). Using technology , literature and guest speakers to raise the cultural awareness of Arabic language learners. *The International Journal of Language Society and Culture* (28): 1–15.
- Belli, S. A. (2018). A study on ELT students' cultural awareness and attitudes towards incorporation of target culture into language instruction. *Journal of Language and Linguistic Studies* 14(1): 102–124.
- Brown, H. D. (2007). *Principles of Language Learning and Teaching*. 5th Edition. United States of America: Pearson Education, Inc.
- Byram, M., Gribkova, B. & Starkey, H. (1997). Developing the Intercultural Dimension in Language Teaching: A Practical Introduction for Teachers. Strasbourg: Council of Europe, Language Policy Division. Dicapai daripada http://www.coe.int/t/dg4/linguistic/source/guide_dimintercult_en.pdf pada 17 Januari 2017
- Chen, J. (2013). Discussion on the Relationship between Language and Culture. *Theory and Practice in Language Studies* 3(6): 963–967. doi:10.4304/tpls.3.6.963-967
- Damen, L. (1987). *Culture Learning: The Fifth Dimension In The Language Classroom*. Addison-Wesley: Reading MA.
- Jabeen, F. & Shah, S. K. (2011). The Role of Culture in ELT : Learners ' Attitude towards the Teaching of Target Language Culture. *European Journal of Social Sciences* 23(4): 604–613.
- Jabeen, F., Zahid, S. & Sattar, A. (2013). Inclusion of Target Language Culture in EFL Classrooms in Pakistan : Learners ' Perspective Inclusion of Target Language Culture in EFL Classrooms in Pakistan : Learners ' Perspective. *Research on Humanities and Social Sciences* 3(18): 97–106.
- Jerie, A. P. L. & Zamri Mahamod. (2011). Sikap dan motivasi murid Iban dalam mempelajari bahasa Melayu sebagai bahasa kedua. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu Malay Language Education Journal (MyLEJ)* 1(1): 13–25. Dicapai daripada <https://core.ac.uk/download/pdf/11491581.pdf> pada 21 Mac 2017.
- Jiang, W. (2000). The relationship between culture and language Wenying Jiang. *ELT Journal* 54(October): 328–334.
- Junaini Kasdan, Yusmaniza Mohd Yusoff, Nor Hashimah Jalaluddin & Hasnah Mohamad. (2018). Pembangunan kit video pembelajaran bahasa Melayu penutur asing berteraskan budaya. *PENDETA Journal of Malay Language, Education and Literature* 9: 144–157.
- Khairul Nizam Mohamed Zuki & Wan Muna Ruzanna Wan Mohamad. (2017). Sikap dan motivasi murid Bajau dalam mempelajari bahasa Melayu sebagai bahasa kedua. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu* 7(1): 24–33.
- Khumsikiew, J., Donsamak, S. & Saeteaw, M. (2015). A model of small-group problem-based learning in pharmacy education: Teaching in the clinical environment. *IAFOR Journal of Education* 3(2): 95–108. doi:10.22492/ije.3.2.06
- Mardian Shah Omar, Azman Rahmat & Yusfarina Mohd Yusof. (2017). Menyulam budaya dalam pengajaran bahasa Melayu untuk penutur asing. *Jurnal Linguistik* 21(2): 81–92.
- Rafieyan, V. (2016). Relationship between language learners' attitudes toward cultural instruction and pragmatic comprehension and production. *Advances in Language and Literary Studies* 7(4): 68–75. doi:10.7575/aiac.all.v.7n.4p.68
- Rafieyan, V., Lin, S. E. & Abdul Rashid Mohamed. (2013). Language learners' attitudes towards the incorporation of target language culture into foreign language instructions. *International Journal of Linguistics* 5(4): 169–177. doi:10.5296/ijl.v5i4.4193
- Rafieyan, V., Norazman Bin Abdul Majid & Lin, S. E. (2013). Relationship between attitude toward target language culture instruction and pragmatic comprehension development. *English Language Teaching* 6(8): 125–132. doi:10.5539/elt.v6n8p125
- Rangriz, S. & Harati, M. (2017). The relationship between language and culture. *Journal of Applied Linguistic and Language Research* 4(6): 209–213. Retrieved from

<http://search.ebscohost.com/login.aspx?direct=true&db=rzh&AN=105694826&site=ehost-live&scope=site>

- Rostami, F. (2016). A Comparative Study of Teachers ' and Learners ' Perceptions towards the Role of Culture in English Language Teaching. *International Journal of Humanities and Cultural Studies* (Special Issue (January)): 1061–1076.
- Thao, Q. T. & Hung, V. D. (2014). Culture teaching in English language teaching : Teachers ' beliefs and their classroom practices. *Korea TESOL Journal* 11(1).
- Tseng, M. (2013). The Relationship between Attitudes toward Foreign Culture and English Proficiency Level in Taiwanese Students of English as a Foreign Language. *Study in English Language Teaching* 1(2): 264–274.
- Zaliza Mohamad Nasir & Zaitul Azma Zainon Hamzah. (2014). Sikap Dan Motivasi Pelajar Terhadap Pembelajaran Bahasa Melayu. *Procedia - Social and Behavioral Sciences* 134: 408–415. doi:10.1016/j.sbspro.2014.04.263
- Zulkifli Osman & Abu Hasan Abdul. (2015). Penggunaan media pengajaran berunsurkan budaya dalam pengajaran bahasa Melayu. Kertas kerja dalam Persidangan Antarabangsa Memartabatkan Bahasa Melayu ke-4, Universiti Goethe Frankfurt, Jerman.

Penghargaan

Ribuan terima kasih diucapkan terutamanya kepada Prof. Madya Dr. Hiroki Nomoto selaku penasihat di TUFS, Prof. Madya Dr. Soda Naoki (Ketua Program Bahasa Melayu), Prof. Madya Faridah Mohamed, Pn. Togari dan En. Ahmad Muzaffar yang sudi memberikan kerjasama dengan membenarkan kajian ini dijalankan. Terima kasih juga kepada para pelajar program Bahasa Melayu, Universiti Bahasa Asing Tokyo yang meluangkan masa menjawab soal selidik kajian ini.

Biodata Ringkas Penulis

Noor Zuhidayah Muhd Zulkifli merupakan pensyarah di Universiti Pendidikan Sultan Idris yang sedang melanjutkan pengajian di peringkat Ijazah Doktor Falsafah di Universiti Kebangsaan Malaysia. Antara penerbitan beliau adalah Kekangan Pelajar dalam Mempelajari Bahasa Melayu sebagai Bahasa Asing (2017), Motivasi Pelajar dalam Mempelajari Bahasa Melayu sebagai Bahasa Asing (2017) dan terdapat beberapa kertas kerja.

Jamaludin Badusah ialah Prof. Madya Dr. di Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia. Kepakaran beliau adalah dalam bidang inovasi pengajaran dan pembelajaran. Antara penerbitan beliau ialah Penggunaan M-Pembelajaran: Satu Inovasi dalam Pembelajaran Bahasa Melayu (2013) dan The Application of 21st Century ICT Literacy Model among Teacher Trainees.

Wan Muna Ruzanna Wan Mohamad merupakan seorang pensyarah kanan (Dr.) di Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia. Kepakaran beliau adalah bahasa Melayu, linguistik dan psikolinguistik. Antara penerbitan beliau ialah Pembelajaran Abad Ke-21 dan Pengaruhnya Terhadap Sikap, Motivasi dan Pencapaian Bahasa Melayu Pelajar Sekolah Menengah (2017) dan Sikap dan Motivasi Murid Bajau dalam Mempelajari Bahasa Melayu sebagai Bahasa Kedua (2017).